



KEPUTUSAN MESYUARAT LEMBAGA FATWA SARAWAK

MLFNS-20 (4)

23 Februari 2012

HUKUM MEMELIHARA DAN BERJUAL BELI DENGAN CICAK GEKKO GEKKO (TOKAY) BAGI TUJUAN PERUBATAN DAN MAKANAN

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-20 yang bersidang pada 1 Rabiulakhir 1433 bersamaan 23 Februari 2012 telah memutuskan bahawa:

- Fuqaha' telah mengklasifikasikan Cicak Gekko Geckko (Tokay) sebagai binatang yang haram dimakan kerana tergolong dalam kategori haiwan yang menjijikkan (khabis) dan mempunyai racun. Begitu juga dengan uruf masyarakat Islam di Malaysia yang tidak menjadikan binatang ini sebagai makanan yang biasa dimakan. Selain itu, sehingga kini tidak ada bukti saintifik dan ujian klinikal yang membuktikan bahawa Cicak Gekko Geckko (Tokay) mampu menjadi penawar atau mengubati penyakit-penyakit tertentu.
- Hukum memakan Cicak Gekko Geckko (Tokay) adalah diharamkan oleh Islam. Manakala untuk tujuan perubatan, penggunaan Cicak Gekko Geckko (Tokay) diharuskan dengan syarat keberkesanannya dapat dibuktikan dari segi saintifik dan tiada alternatif ubat lain yang boleh digunakan bagi merawat penyakit berkaitan.

Bertarikh 23 Februari 2012
(MLFNS-20/(4))

DATU HAJI KIPLI BIN HAJI YASSIN

Pengerusi

Lembaga Fatwa Negeri Sarawak

جَابَاتِن مُفْتِي سَرَاوَاك
JABATAN MUFTI SARAWAK